



JBSN

JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA



INSTITUTE FOR
YOUTH RESEARCH
MALAYSIA

KAJIAN
HARI SUKAN // // // //
NEGARA 2024



...ANJELIA/AN SUKAN
JABATAN/ELIA/AN SUKAN NEGARA

HARI SUKAN NEGARA



© Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) 2025

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana isi kandungan penerbitan ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin daripada Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES). Pelaksanaan kajian ini dibiayai oleh Bahagian Pembangunan Sukan, Jabatan Belia dan Sukan Negara, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia sepenuhnya dan dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES).

IYRES merupakan sebuah pusat penyelidikan nasional yang mengkaji pelbagai aspek aliran dan pembangunan generasi muda dan kaitannya dengan perubahan yang berlaku di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa. Untuk mencapai matlamatnya, Institut ini akan melaksanakan pelbagai jenis program penyelidikan; menganjurkan persidangan, bengkel, syarahan dan seminar; menerbitkan jurnal, risalah mengenai hasil penyelidikan; mewujudkan program penyelidikan dan latihan; dan menyediakan kemudahan penyelidikan yang pelbagai termasuklah data mengenai pembangunan belia.

ISBN No: 978-967-2783-33-6

Cadangan sitasi:

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. (2025). Kajian Hari Sukan Negara 2024. Putrajaya, Malaysia: IYRES

Diterbitkan oleh:



INSTITUTE FOR
YOUTH RESEARCH
MALAYSIA

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)

Aras 10, Menara KBS
Kementerian Belia dan Sukan Malaysia
No 27, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 Putrajaya, MALAYSIA

Tel : +603 – 8871 3417
Emel : info@iyres.gov.my
Laman Web : www.iyres.gov.my

Dengan kerjasama:



JBSN

JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA

Bahagian Pembangunan Sukan, Jabatan Belia dan Sukan Negara

Aras 13, Menara KBS
Kementerian Belia dan Sukan Malaysia
No 27, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 Putrajaya, MALAYSIA

Tel : +603 – 8871 3168
Emel : jbsn@kbs.gov.my
Faks : +603 – 8888 8759
Laman Web : www.jbsn.gov.my



ISI KANDUNGAN

| | |
|---|---------------|
| PENGENALAN | 3 |
| <i>Latar Belakang Program</i> | 4 |
| <i>Objektif Kajian</i> | 5 |
| <i>Sorotan Literatur</i> | 6 |
| METODOLOGI | 7 |
| <i>Skop Kajian</i> | 8 |
| <i>Limitasi Kajian</i> | 9 |
| DAPATAN KAJIAN | 10 |
| <i>Sosio-Demografi Responden HSN 2024</i> | 11-18 |
| <i>Kesan Penganjuran HSN</i> | 19-21 |
| <i>Perbelanjaan Semasa HSN 2024</i> | 22 |
| <i>Kepuasan Hati Berkaitan Penganjuran HSN 2024</i> | 23 |
| DAPATAN KUALITATIF | 24 |
| <i>Pandangan Masyarakat</i> | 25- 27 |
| <i>Pandangan Pelaksana</i> | 28-30 |
| RUMUSAN DAN HALA TUJU | 31- 32 |
| <i>Penghargaan</i> | 33 |



PENGENALAN |

LATAR BELAKANG PROGRAM

Pelaksanaan Hari Sukan Negara (HSN) 2024 diadakan pada hari Sabtu minggu kedua bulan Oktober iaitu pada 12 Oktober 2024 di seluruh Malaysia, kecuali Negeri Sarawak iaitu pada 19 Oktober 2024 bagi menghormati sambutan Hari Keputeraan Yang Di-Pertua Negeri Sarawak. Mendukung Visi Sukan Negara 2030 iaitu Malaysia mencapai status negara bersukan menjelang 2030, pelaksanaan HSN 2024 dilihat mampu merealisasikan hasrat dan aspirasi untuk memberi galakan dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat yang membudayakan sukan seiring dengan kerangka Malaysia Madani dan Visi Sukan Negara 2030.

HSN 2024 menetengahkan konsep Malaysia Madani Sukan Baharu dan Sukan Rakyat bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan serta mengangkat prinsip saling hormat menghormati. Fokus sasaran penyertaan bagi sambutan ini adalah merangkumi golongan kanak-kanak, wanita, Orang Kelainan Upaya, Rakan Muda, warga veteran dan juga warga emas. HSN 2024 mensasarkan agar dapat menarik penyertaan yang lebih besar daripada pelbagai lapisan masyarakat, membuktikan bahawa sukan bukan sahaja untuk atlet, tetapi untuk semua rakyat Malaysia. Dengan pelbagai aktiviti yang telah dilaksanakan, sambutan ini diharapkan dapat memupuk minat dan kecintaan terhadap sukan dalam kalangan rakyat Malaysia

OBJEKTIF KAJIAN



SOROTAN LITERATUR

Hari Sukan Negara (HSN) 2024 merupakan satu inisiatif strategik yang berfungsi sebagai instrumen kritikal dalam ekosistem pembangunan sukan negara. Program ini merupakan kesinambungan daripada pelaksanaan Dasar Sukan Negara (DSN) 2009 bagi mewujudkan budaya sukan dalam kalangan rakyat Malaysia. HSN menyambut matlamat DSN melalui komponen 'Sukan Untuk Semua' dengan menonjolkan pelbagai aktiviti sukan yang dapat disertai oleh setiap lapisan masyarakat ke arah mengamalkan gaya hidup aktif dan sihat. Selain itu, program ini juga menyokong aspirasi 'Sukan Berprestasi Tinggi' dengan mewujudkan ruang kumpulan bakat (talent pool) di peringkat akar umbi.

Inisiatif HSN yang bermula melalui DSN ini turut diperkukuh dan dimanifestasi dari matlamat utama Visi Sukan Negara (VSN) 2030 iaitu status Malaysia sebagai sebuah Negara Bersukan menjelang 2030. HSN menjadi pemangkin utama untuk mencapai objektif yang tergaris dalam dokumen VSN 2030 melibatkan tiga aspek iaitu rakyat Malaysia mengamalkan gaya hidup aktif, mencapai kecemerlangan sukan berterusan dan industri sukan yang kukuh dan berdaya saing.

Selain itu, impak dari penganjuran HSN 2024 boleh dinilai secara empirikal melalui pencapaian skor dapatan Indeks Budaya Sukan Malaysia yang terkini. Sambutan HSN berfungsi sebagai medium langsung untuk meningkatkan kesedaran dan penglibatan awam dalam aktiviti sukan dan rekreasi. Selain itu, program HSN turut selari dengan aspirasi Model Pembangunan Belia Madani 2030 yang memberi penekanan kepada pembinaan sahsiah, kepimpinan, dan jati diri. Melalui penglibatan belia sebagai peserta atau sukarelawan semasa program dijalankan, HSN menyediakan platform inklusif untuk mengaplikasikan prinsip-prinsip yang terkandung dalam model ini sekaligus mengukuhkan perpaduan dan kesejahteraan sosial.



| METODOLOGI

SKOP KAJIAN

Lokasi Kajian:



Sasaran Responden:

Individu berumur 13 tahun ke atas yang menghadiri sambutan HSN 2024 di lokasi terpilih termasuklah pengunjung, peserta, petugas, peniaga dan urusetia sambutan.

Kaedah Kajian:



Kaedah kuantitatif
(edaran soal selidik secara
dalam talian)



Kaedah kualitatif
(sesi temubual bersemuka)

Seramai 33 orang IYRES Community Enumerator telah terlibat dalam membantu pengumpulan data di lapangan di 7 buah lokasi yang telah ditetapkan. Bagi lokasi lain, hebahan soal selidik melalui perkongsian poster yang mempunyai capaian kajian secara QR Code dilaksanakan oleh pihak sekretariat HSN 2024.

LIMITASI KAJIAN

1

Penyelidikan ini adalah bersifat penyertaan sukarela. Oleh itu, penglibatan responden bergantung kepada ketersediaan mereka untuk berkongsi maklumat.

2

Lokasi pelaksanaan sambutan HSN 2024 menggunakan beberapa tapak acara yang berbeza mengikut jenis aktiviti yang diadakan dan menghadkan pergerakan enumerator ke kawasan yang jauh.

3

Pengumpulan data kuantitatif menggunakan sistem dalam talian dan terdapat gangguan talian internet responden dan enumerator semasa pengumpulan data.



DAPATAN KAJIAN

SOSIO-DEMOGRAFI RESPONDEN HSN 2024

HARI SUKAN NEGARA

2,789 orang
(100%)

NEGERI



Tapak Konvo UUM Sintok,
Kedah
16.9%
n=471



Dataran Putrajaya,
Putrajaya
15.6%
n=434



Kompleks Sukan Sarikei,
Sarawak
14.6%
n=408



Kompleks Sukan Negeri
Terengganu, Terengganu
14.5%
n=405



Kompleks Sukan
Keningau, Sabah
14.5%
n=404



Memorial Pengisytiharan
Kemerdekaan, Bandar
Hilir, Melaka
14.4%
n=403



Dataran Kemerdekaan
Shah Alam, Selangor
8.9%
n=247



Negeri-negeri
lain
0.6%
n=17

Seramai 2,789 orang responden terlibat dalam memberikan maklum balas Kajian Hari Sukan Negara 2024.

Kutipan data secara kerja lapangan oleh enumerator di 7 lokasi yang ditetapkan berjaya mengumpulkan 2,700 respon dan selebihnya (89 data) adalah melalui capaian hebahan secara QR Code.

SOSIO-DEMOGRAFI RESPONDEN HSN 2024

JANTINA



49.3%
(1,376)

Lelaki



50.7%
(1,413)

Perempuan

STATUS OKU



98.3%
(2,741)

Tiada kecacatan



0.9%
(25)

OKU Fizikal



0.5%
(14)

OKU (pendengaran/pertuturan/penglihatan)



0.3%
(9)

OKU (masalah pembelajaran)

KETOGORI UMUR



13-19 Tahun **22.1%**
(615)

40-49 Tahun **11.4%**
(318)

20-29 Tahun **33.0%**
(921)

50-59 Tahun **4.1%**
(115)

30-39 Tahun **26.1%**
(729)

60 Tahun ke atas **3.3%**
(91)

Majoriti responden adalah perempuan dengan penyertaan sebanyak 50.7 peratus. Pelaksanaan sukan OKU semasa HSN 2024 mendorong peningkatan golongan OKU menyertai kajian berbanding tahun 2023 (21 orang). Penyertaan terbanyak kajian HSN 2024 pula adalah dari kategori umur belia 20 hingga 29 tahun (33.0%).

SOSIO-DEMOGRAFI RESPONDEN HSN 2024

STATUS PERKAHWINAN

Belum Berkahwin



57.0%
(1,589)

Berkahwin




40.7%
(1,135)

Pernah Berkahwin




2.3%
(65)

ETNIK



Dari sudut status perkahwinan, majoriti responden adalah bujang dengan penglibatan 57 peratus manakala penglibatan tertinggi tiga kumpulan etnik adalah Melayu (64.6%) diikuti dengan Bumiputera Sabah (14.1%) dan Cina (9.3%).

KATOGORI PEKERJAAN



Dapatan kajian ini berjaya menarik pelbagai segmen masyarakat terutamanya pelajar dan pekerja sektor awam, yang mendominasi lebih daripada separuh (65.3%) daripada keseluruhan sampel kajian dalam memberikan maklumbalas mereka mengenai sambutan HSN 2024.

SUMBER MAKLUMAT MENGENAI HSN 2024




Dapatan ini menunjukkan bahawa media sosial merupakan sumber maklumat utama, dengan peratusan tertinggi iaitu 29%. Ini diikuti rapat oleh Laman Web Hari Sukan Negara yang menyumbang sebanyak 22.4%, menandakan keberkesanan platform digital rasmi.

Seterusnya, pusat pengajian dan tempat kerja memainkan peranan penting sebagai saluran maklumat ketiga terbesar, menyumbang 16.3%. Ini menunjukkan bahawa komunikasi secara langsung di institusi dan tempat bekerja masih relevan.


Secara ringkasnya, dapatan ini jelas menunjukkan bahawa strategi komunikasi digital melalui media sosial dan laman web rasmi adalah yang paling berkesan, diikuti oleh pendekatan di peringkat institusi dan rangkaian peribadi.

FAKTOR MENYERTAI HSN 2024



Selain itu, faktor mereka menyertai sambutan HSN 2024 pula adalah kerana dorongan rakan-rakan dan ahli keluarga.

PERANAN SEMASA HSN 2024



“Hari Sukan Negara berjaya mencapai objektif penyertaan massa. Dari segi aktiviti yang disertai, HSN sinonim dengan acara utamanya iaitu larian dan diikuti dengan pertandingan sukan. Dominasi aktiviti tersebut adalah sesuatu yang dijangka dan menggambarkan tarikan umum. Namun, perkara ini juga boleh menjadi petunjuk keperluan pendedahan dan tarikan aktiviti sukan yang lebih variasi dan inovatif pada masa akan datang. ”


JENIS AKTIVITI YANG DISERTAI SEMASA HSN 2024



PERNAH MENYERTAI PROGRAM HSN YANG LEPAS



MELAKUKAN AKTIVITI SUKAN DAN REKREASI PADA MASA LAPANG



Ya
83.4%
n=2,326

Tidak
16.6%
n=463

Dapatan ini menunjukkan bahawa terdapat tahap kesedaran dan penglibatan yang baik dari kalangan masyarakat terhadap penganjuran HSN yang lepas. Tambahan lagi, majoriti responden mengamalkan gaya hidup aktif dengan melakukan aktiviti sukan dan rekreasi pada waktu lapang mereka. Hasil ini menunjukkan bahawa budaya bersukan telah menjadi sebahagian rutin dalam kehidupan responden kajian.

KESAN PENGANJURAN HSN 2024

| IMPAK | BIL | PERTANYAAN | STS | TS | S | SS | MIN |
|-------------------|-----|--|------|------|-------|-------|------|
| GAYA HIDUP | 1. | Penganjuran Hari Sukan Negara telah meningkatkan kesedaran saya tentang kepentingan mengamalkan gaya hidup sihat dan aktif | 2.2% | 1.1% | 41.6% | 55.2% | 3.46 |
| | 2. | Selepas menyertai Hari Sukan Negara, saya berasa lebih bersemangat melakukan aktiviti bersukan | 2.0% | 1.9% | 42.5% | 53.6% | |
| | 3. | Selepas menyertai Hari Sukan Negara, saya terus mengamalkan senaman secara konsisten | 1.3% | 3.6% | 46.7% | 48.4% | |
| | 4. | Saya akan terus mengamalkan gaya hidup aktif secara sukarela selepas penganjuran Hari Sukan Negara | 1.4% | 3.0% | 45.3% | 50.3% | |
| | 5. | Saya dapat mengisi masa lapang kepada aktiviti yang berfaedah dengan menyertai Hari Sukan Negara | 1.5% | 2.7% | 42.9% | 53.0% | |

STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, S: Setuju, SS: Sangat setuju



Secara keseluruhannya, penganjuran HSN 2024 memberikan impak yang positif terhadap sikap dan amalan gaya hidup masyarakat.

- Skor pada tahap Tinggi menunjukkan responden merasakan HSN 2024 berjaya meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan gaya hidup sihat dan aktif serta memberi dorongan kepada mereka untuk terlibat dengan aktiviti fizikal/ sukan secara lebih konsisten.

- Terdapat 4.9% responden yang terlibat menyatakan mereka tidak mengamalkan aktiviti sukan dan rekreasi secara konsisten. Pelbagai faktor seperti kekangan masa, kekurangan motivasi, atau ketidakselesaan fizikal mungkin menjadi halangan utama dalam memastikan aktiviti dilakukan secara rutin. Oleh itu, pemahaman lebih lanjut tentang faktor-faktor yang mempengaruhi masyarakat tidak melakukan aktiviti secara konsisten dapat membantu merancang intervensi yang lebih tepat bagi memastikan semua masyarakat untuk mengamalkan gaya hidup yang lebih sihat dan aktif secara berterusan.

KESAN PENGANJURAN HSN 2024

| IMPAK | BIL | PERTANYAAN | STS | TS | S | SS | MIN |
|--------|-----|---|------|------|-------|-------|------|
| SOSIAL | 1. | Saya merasakan penganjuran Hari Sukan Negara membantu mengeratkan hubungan dengan ahli keluarga. | 1.3% | 3.0% | 42.6% | 53.1% | 3.51 |
| | 2. | Saya merasakan bahawa Hari Sukan Negara sesuai disertai oleh semua lapisan masyarakat | 1.6% | 1.6% | 39.6% | 57.3% | |
| | 3. | Penganjuran Hari Sukan Negara meningkatkan interaksi saya dengan masyarakat pelbagai kaum | 1.3% | 1.9% | 41.4% | 55.3% | |
| | 4. | Saya akan menyertai acara sukan yang melibatkan semua kaum. | 1.6% | 1.7% | 43.2% | 53.5% | |
| | 5. | Saya merasakan penganjuran Hari Sukan Negara membantu mengeratkan hubungan dengan jiran tetangga dan komuniti setempat. | 1.3% | 2.1% | 40.9% | 55.6% | |

STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, S: Setuju, SS: Sangat setuju



Secara keseluruhannya, penganjuran HSN 2024 memberikan kesan yang positif dalam mengeratkan hubungan sosial dan meningkatkan interaksi sesama masyarakat yang hadir.

- Dapatan kajian mendapati 96.9% responden bersetuju bahawa aktiviti yang dilaksanakan sepanjang program HSN 2024 sesuai disertai oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengambil kira perbezaan latar demografi melibatkan keluarga dan masyarakat pelbagai etnik.
- Ini membuktikan bahawa sambutan Hari Sukan Negara memainkan peranan penting dalam mewujudkan interaksi sosial yang membentuk perkembangan holistik seseorang individu terutamanya belia. Perkembangan ini dapat menyokong agar mereka menjadi individu yang lebih matang, bertanggungjawab, dan berdaya saing dalam masyarakat yang lebih luas.

KESAN PENGANJURAN HSN 2024

| IMPAK | BIL | PERTANYAAN | STS | TS | S | SS | MIN |
|----------------|-----|---|------|------|-------|-------|------|
| PERPADUAN KAUM | 1. | Saya merasakan bahawa perpaduan dapat dipupuk melalui sukan. | 1.5% | 1.6% | 38.9% | 58.0% | 3.51 |
| | 2. | Saya percaya bahawa penganjuran Hari Sukan Negara boleh dijadikan medium perpaduan kaum di Malaysia | 1.7% | 1.4% | 40.5% | 56.3% | |
| | 3. | Saya boleh menonton acara sukan bersama orang lain yang berbilang bangsa | 1.6% | 2.0% | 40.7% | 55.7% | |
| | 4. | Hari Sukan Negara dapat mengeratkan hubungan antara kaum | 1.4% | 1.9% | 38.6% | 58.0% | |


STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, S: Setuju, SS: Sangat setuju



Secara keseluruhannya, penganjuran HSN 2024 mempunyai peranan penting dalam memupuk perpaduan kaum melalui sukan.


- Skor pada tahap Tinggi menunjukkan bahawa program ini dianggap efektif dalam memperkukuhkan hubungan antara kaum dan meningkatkan semangat perpaduan di kalangan masyarakat pelbagai bangsa di Malaysia.
- 96.9% responden bersetuju bahawa aktiviti sukan dan rekreasi dapat memupuk semangat perpaduan dan 96.8% responden percaya aktiviti Hari Sukan Negara mampu menjadi salah satu medium untuk memperkukuh perpaduan antara kaum di Malaysia. Maka, aktiviti dan program seumpama ini perlu dianjurkan dengan lebih kerap bagi pengukuhan keharmonian negara.
- Dapatan ini menunjukkan bahawa penganjuran Hari Sukan Negara bukan menyumbang kepada aspek kesihatan sahaja, tetapi juga sebagai satu medium penting untuk menyatukan rakyat Malaysia dan memupuk integrasi nasional.

PERBELANJAAN SEMASA HSN 2024



- ▶ Dapatan menunjukkan perbelanjaan secara purata responden HSN 2024 tinggi pada aspek penginapan dan peralatan sukan. Perbelanjaan mereka pada pakaian juga tinggi mungkin disebabkan pembelian pakaian sukan berjenama.
- ▶ Purata perbelanjaan terendah pula pada kategori makanan dan minuman serta pengangkutan. Ini menunjukkan perbelanjaan rutin yang mampu diperuntukkan oleh semua individu dalam jumlah yang sedikit.
- ▶ Kategori penginapan, peralatan sukan dan pakaian adalah pemacu utama bagi industri sukan dalam menjana pendapatan.
- ▶ Perbelanjaan makanan dan pengangkutan pula mencatatkan margin yang rendah tetapi lebih kerap dibelanjakan oleh responden. Oleh itu, pembekal bagi kategori ini boleh meningkatkan jumlah pengeluaran dan penyediaan perkhidmatan mereka.

SAYA BERPUAS HATI DENGAN..



Sambutan masyarakat setempat
sempena HSN 2024

Aktiviti sampingan
HSN 2024

Pemilihan lokasi
HSN 2024

Tempoh masa sambutan HSN 2024

Peranan Urusetia HSN 2024

Tahap keselamatan di HSN 2024

Peralatan dan Kemudahan sukan
yang disediakan

Hebahan dan promosi mengenai
HSN 2024


Perkhidmatan perubatan

Kemudahan tempat makan

Kemudahan tempat letak kereta

Kemudahan Tandas

TAHAP KEPUASAN KESELURUHAN



Kesimpulannya, tahap kepuasan responden terhadap penganjuran Hari Sukan Negara (HSN) 2024 secara keseluruhan adalah Tinggi, dengan tahap kepuasan keseluruhan adalah 60.6%. Ia menunjukkan sedikit penurunan sebanyak 9.3% berbanding tahun 2023.

Dapatan ini menunjukkan bahawa penganjuran HSN 2024 berjaya memenuhi kebanyakan harapan responden. Penganjuran aktiviti juga mendapat sokongan penuh oleh responden. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian untuk penambahbaikan penganjuran program pada masa akan datang, terutamanya kemudahan tempat makan, tempat letak kereta dan tandas.



DAPATAN KUALITATIF

Pandangan Masyarakat

1

Hebahan menjadi kunci utama kejayaan penganjuran HSN dalam memastikan keterlibatan dan penyertaan yang meluas oleh semua golongan masyarakat. Berdasarkan maklum balas yang dikumpul, pelbagai saluran telah digunakan untuk hebahan, namun keberkesanan dan jangkauan promosi masih boleh dipertingkatkan. Antaranya seperti berikut:

Hebahan lebih awal dari permulaan tahun bagi memberi bayangan dan membina momentum;

Kualiti promosi visual dan kandungan di media sosial perlu dititikberatkan agar lebih menarik dan interaktif kerana merupakan sumber utama masyarakat mendapatkan maklumat penganjuran;

Memperkasakan 'branding' HSN secara langsung melalui aktiviti sukan utama yang menarik perhatian masyarakat; dan

Menonjolkan keunikan dan aktiviti yang menarik perhatian pengunjung di setiap lokasi.

Sumber: Dapatan sesi Focus Group Discussion (FGD) Kajian HSN 2024

Pandangan Masyarakat

2

HSN bukan hanya sekadar acara tahunan tetapi telah menjadi satu medium penting dalam menyemarakkan budaya bersukan dan meningkatkan kesedaran terhadap gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat Malaysia. Berdasarkan maklum balas yang diterima, pelbagai kesan positif serta impak sosial telah dikenal pasti daripada pelaksanaan HSN 2024.

Pembentukan gaya hidup sihat: Masyarakat yang menyertai HSN mempunyai kesedaran terhadap pentingnya gaya hidup sihat dan pengetahuan mengenai HSN sebagai program kesukanan negara. Mereka juga merasakan aktiviti yang diadakan menyeronokkan, menarik, dan memberi motivasi untuk terus aktif;

Kesihatan dan kesejahteraan mental: Penglibatan dalam aktiviti yang disediakan menyumbang kepada kesihatan mental dan fizikal, serta mengurangkan tekanan. Majoriti pengunjung juga mengakui mereka terus mengamalkan gaya hidup aktif selepas HSN, termasuk bersukan di waktu lapang melalui persatuan dan aktiviti komuniti;

Perpaduan dan jaringan sosial: HSN telah mewujudkan elemen perpaduan dan kerjasama, serta peluang untuk menyokong golongan belia dan masyarakat umum, termasuk mereka yang bukan aktif bersukan. Ia menjadi satu medium memperluas kenalan dengan individu yang berkongsi minat sukan yang sama; dan

Penerimaan dan keterlibatan masyarakat: HSN tidak hanya memfokuskan kepada golongan muda, malah memberi ruang kepada pelbagai lapisan masyarakat menyertai acara yang dianjurkan. Penonton juga mendapat manfaat daripada pengalaman tersebut.

Sumber: Dapatan sesi Focus Group Discussion (FGD) Kajian HSN 2024

Pandangan Masyarakat

Pandangan dan maklum balas menunjukkan bahawa penganjuran program ini sangat bermakna kepada masyarakat dalam memastikan kejayaan program HSN. Kementerian Belia dan Sukan dan rakan penganjur yang bersedia untuk mendengar dan mengambil tindakan penambahbaikan sebagai input konstruktif boleh meneruskan kejayaan pelaksanaan HSN ini seperti aspek berikut:

Mengutamakan pelaksanaan aktiviti yang bermatlamatkan kepuasan pengunjung. Setiap perancangan aktiviti atau program perlu mengambil kira keselesaan, kemudahan dan ekspektasi masyarakat setempat;

Melaksanakan pengurusan kewangan yang berbaloi dengan melabur pada aspek yang bakal memberi impak besar seperti pemilihan lokasi yang bersesuaian, fasiliti yang mencukupi dan perancangan aktiviti yang menarik perhatian masyarakat di lokaliti;

Sentiasa berinovasi dan fleksibel dalam penganjuran HSN dengan mengetengahkan idea-idea baru yang menjadi tarikan kepada masyarakat bagi mengekalkan kesegaran dan kerelevanan pelaksanaan HSN; dan

Pelaksanaan pengukuran dan penilaian berterusan bagi memastikan setiap aspek penambahbaikan tidak tertinggal bagi memastikan masyarakat sentiasa yakin dan menyokong inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Sumber: Dapatan sesi Focus Group Discussion (FGD) Kajian HSN 2024

Pandangan Pelaksana

1

Keberkesanan promosi boleh ditingkatkan melalui pendekatan yang lebih strategik, inklusif dan kreatif agar maklumat dapat disampaikan dengan lebih meluas dan berimpak.

Hebahan melalui media sosial merupakan saluran utama promosi termasuk Facebook, Instagram, TikTok, dan WhatsApp;

Menggunakan pempengaruh dalam media sosial dilihat sebagai strategi efektif untuk menarik penyertaan belia, terutamanya golongan muda yang lebih aktif di platform digital; dan

Sekolah dan persatuan merupakan peranan penting menyebarkan maklumat HSN, termasuk edaran poster dan pengumuman kepada pelajar dan komuniti setempat. Poster fizikal masih membantu dalam promosi kepada kawasan luar bandar atau kelompok yang kurang akses kepada teknologi.

Penekanan kepada saluran digital dan pemantapan kaedah konvensional (fizikal/ institusi) bagi promosi dan hebahan Hari Sukan Negara adalah langkah hibrid yang sangat membantu dalam meningkatkan penglibatan masyarakat terhadap penganjuran HSN. Tetapi keberkesanan hanya akan tercapai sekiranya kelemahan bagi setiap pendekatan yang digunakan dapat dikenalpasti melalui perancangan dan pelaksanaan yang teliti.

Sumber: Dapatan sesi Focus Group Discussion (FGD) Kajian HSN 2024



Pandangan Pelaksana

2

Penganjuran Hari Sukan Negara diakui memberi kesan yang baik kepada individu dan komuniti secara keseluruhannya. Penglibatan individu dalam program ini memberi peluang dalam aspek pembangunan diri seperti kesukarelawanan, amalan gaya hidup sihat melalui sukan dan perkongsian ilmu dengan masyarakat. Selain itu, komuniti juga menerima manfaat melalui pembudayaan sifat altruisme (semangat memberi balik), mengeratkan hubungan pelbagai generasi serta antara agensi dan persatuan. Secara keseluruhan, program ini menyasarkan pembinaan modal sosial, kesejahteraan individu, dan pengukuhan jalinan komuniti.

3

Selain itu, perancangan pelaksanaan program Hari Sukan Negara juga memberi penekanan kepada perancangan strategik yang boleh bermula dari awal tahun walaupun tarikh sambutan pada bulan Oktober. Berdasarkan kajian lepas oleh IYRES berkaitan Hari Sukan Negara telah mendapati bahawa terdapat keperluan bagi perancangan dan penyelarasan program ini dibuat lebih awal termasuklah dari aspek peruntukan dan penambahbaikan bagi memastikan sambutan HSN di setiap lokasi dihargai dan diraikan secara optimum.

Pandangan Pelaksana

4

Namun begitu, secara kritisnya terdapat beberapa ruang perbincangan yang perlu dipertimbangkan untuk memastikan keberkesanan program seperti berikut:

Keperluan pelan kontigensi dan strategi advokasi yang bersesuaian sekiranya peruntukan lewat atau tidak mencukupi;

Penyertaan pelajar sekolah atau ahli persatuan dan kelab bagi meramaikan penglibatan perlu diperhalusi agar penyertaan mereka menjadi lebih bermakna dan memberi manfaat;

Pelaksanaan aktiviti yang menyeronokkan disertai oleh semua orang boleh dimanifestasi dengan memfokuskan kepada penyediaan aktiviti yang pelbagai berbanding satu aktiviti yang dijangka diminati oleh semua orang; dan

Pengukuran kejayaan sesebuah program tidak hanya tertumpu kepada jumlah pengunjung tetapi perubahan tingkah laku (minat bersukan) atau peningkatan permintaan dalam sesuatu jenis sukan.

Sumber: Dapatan sesi Focus Group Discussion (FGD) Kajian HSN 2024

INFO PENYELIDIKAN



INSTITUTE FOR
YOUTH RESEARCH
MALAYSIA
DIKANDUN BELI

RUMUSAN DAN HALATUJU



Secara keseluruhannya, Hari Sukan Negara 2024 berpotensi sebagai medium mempromosikan gaya hidup aktif dan sihat, mencungkil bakat, serta menyatupadukan komuniti. Namun, perlu diakui bahawa terdapat beberapa penambahbaikan yang perlu dilaksanakan bagi memastikan kerelevanan sambutan Hari Sukan Negara setiap tahun

Hari Sukan Negara telah menjadi simbolik pelaksanaan aktiviti sukan melibatkan masyarakat, maka tidak hairan sekiranya terdapat perbandingan bagi setiap tahun pelaksanaannya.

Justeru itu, Kementerian Belia dan Sukan harus mengambil langkah proaktif dalam memastikan setiap cadangan dan pandangan yang diterima diambil berat dan dilaksanakan secara berperingkat. Penelitian dan kajian berterusan dalam memastikan kejayaan sesuatu program akan memberi impak yang besar kepada masyarakat sekaligus meningkatkan imej Kementerian Belia dan Sukan sebagai peneraju agenda sukan di Malaysia.

Menjelang sambutan Hari Sukan Negara akan datang, perancangan yang lebih strategik harus dimulakan lebih awal dengan menjadikan dapatan penyelidikan berkaitan pembangunan sukan sebagai teras utama dalam pembentukan dasar dan inisiatif. Tumpuan perlu diberikan kepada usaha memperkasakan platform digital yang tidak terhad sebagai medium penyebaran maklumat, tetapi sebagai platform interaktif dan dinamik yang mampu menarik penglibatan aktif masyarakat melalui kandungan kreatif. Pada masa yang sama, kolaborasi yang lebih erat dengan pelbagai agensi, jabatan mahupun badan bukan kerajaan perlu diperkukuh melalui penyediaan insentif atau program berfokuskan rakyat bagi memastikan penyertaan yang lebih menyeluruh dari pelbagai lapisan masyarakat. Dengan gabungan strategi digital yang terancang dan pendekatan komuniti yang holistik ini, sambutan Hari Sukan Negara berupaya menjadi pemangkin kepada pembudayaan gaya hidup sihat yang berterusan, seterusnya memberi impak jangka panjang yang signifikan kepada seluruh rakyat Malaysia.



PENGHARGAAN

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN), Kementerian Belia dan Sukan Malaysia di atas kepercayaan dan dana yang diberikan kepada IYRES bagi melaksanakan kajian ini.

Setinggi penghargaan turut diberikan kepada responden, *IYRES Community Enumerator* dan individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penghasilan kajian ini. Semoga laporan ini menjadi rujukan kepada semua pihak berkepentingan dalam merencana dan membangunkan program pembangunan sukan di Malaysia.

Penulis:

Rozahidah binti Roslee

Penyelidik:

**Bahagian Perancangan dan
Penyelidikan, IYRES**

Dengan kerjasama:

**Cawangan Penggalakkan dan
Pembangunan Sukan, JBSN**

Editor:

Shahhanim binti Yahya



e ISBN 978-967-2783-33-6



9 789672 783336



JBSN

JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA



INSTITUTE FOR
YOUTH RESEARCH
MALAYSIA

